



KENYATAAN MEDIA

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN

KES ALAM SEKITAR YANG DIBAWA KE MAHKAMAH DAN TELAH SELESAI:

PENDAKWARAYA

LAWAN

CLASSIC PALM OIL MILL SDN BHD

(NO. SYARIKAT: 923386-T / 201001039462)

29 Mac 2024 – Classic Palm Oil Mill Sdn Bhd merupakan premis pembuatan minyak sawit mentah di atas **Lot 514 & 515, Kampung Tiong, 73400 Gemas, Daerah Tampin** di dalam negeri **Negeri Sembilan**.

2. Pada 5 April 2021 pada jam lebih kurang **2.05 petang** hingga jam lebih kurang **5.50 petang**, sepasukan pegawai dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan siasatan penguatkuasaan ke premis tersebut. Semasa siasatan di tapak dijalankan didapati premis:-

- i) gagal mematuhi **syarat lesen pelanggaran** bagi pelepasan asap hitam dari cerobong melebihi kelegapan no. 2 dalam Carta Ringelmann merujuk kepada Seksyen 16(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; dan
- ii) gagal mematuhi **Notis Arahan (NA)** yang telah dikeluarkan sebelumnya bagi **memastikan tiada pelepasan asap hitam** dari mana-mana cerobong seperti yang disyaratkan dalam Lesen Pelanggaran yang telah diperakui merujuk kepada Seksyen 31(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

3. Diakhir kes pembelaan tersebut, pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah dan pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes. Pihak OKS hadir yang diwakili oleh Hidayah binti Md. Said selaku Jurutera premis. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Muhammad Fitri bin Soroni dan Zainoorliza binti Zainal Abidin.

4. Oleh itu, Hakim Mahkamah Sesyen 4, Seremban, Yang Arif Puan Diana binti Md. Razali telah mensabitkan kedua-dua kesalahan yang dilakukan oleh premis tersebut. Premis telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM 35,000.

6. JAS Negeri Sembilan akan sentiasa mengambil tindakan tegas dan tiada kompromi kepada penjenayah alam sekitar. Saya menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar melalui:

- i. Portal e-aduan.doe.gov.my (<https://eaduan@doe.gov.my>)
- ii. Call centre 1-800-88-2727
- iii. Emel aduan_k@doe.gov.my

Sekian.

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN 29 MAC 2024